# PRINSIP-PRINSIP AGIHAN ZAKAT DAN PELAKSANAANNYA DI NEGERI SELANGOR

MUHIBBUDDIN BIN ABDULLAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# PRINSIP-PRINSIP AGIHAN ZAKAT DAN PELAKSANAANNYA

# DI NEGERI SELANGOR

MUHIBBUDDIN BIN ABDULLAH

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2017

# DEDIKASI

Bismillahirrahmanirrahim, syukur pada Allah s.w.t dengan limpah dan inayahnya saya dapat menyiapkan tesis ini. Dedikasi ini saya tujukan untuk ayahanda Allahyarham Abdullah bin Ahmad yang telah kembali kerahmatullah, semoga rohnya ditempatkan dalam golongan orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Tidak lupa juga kepada ibu yang disayangi Pn Hjh Wan Rusnah bt Wan Yunus di atas pengorbanan menjaga dan mendidik sejak dari kecil lagi. Untuk isteri tercinta, Wan Azhana bt Wan Salleh jutaan terima kasih kerana memberi dorongan dan membantu dalam mendidik dan menjaga anak-anak kita. Seterusnya kepada anakanda Nur Diana Alya, Muaz Irfan, Nur Diana Maisarah, Muaz Irsyad dan Nur Diana Faqeha yang merupakan sumber inspirasi ayahanda. Semoga kalian menjadi anak-anak yang beriman, berjaya, soleh dan solehah. Tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan seperjuangan iaitu saudara Muammar, Arafat, Muslim, Azrul dan Suhaimi di atas kerjasama yang diberikan. Pengorbanan kalian amat bermakna buat penulis dalam menyiapkan projek penyelidikan ini.

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Kesempatan ini, pengkaji ingin memberikan penghargaan kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia di atas kemudahan-kemudahan yang diberikan. Penghargaan juga diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana membiayai yuran sepanjang tempoh pengajian ini di bawah Program Yuran Pengajian Separuh Masa.

Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada Dr Nasrul Hisham bin Nor Muhammad, selaku penyelia dalam menyiapkan tesis ini. Segala bimbingan dan dorongan diucapkan jutaan terima kasih. Mudah-mudahan ilmu yang dicurahkan mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah s.w.t. Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia di atas nasihat, bimbingan dan bantuan yang diberikan.

Ucapan terima kasih juga kepada pihak Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor kerana memberi kerjasama dalam mendapatkan maklumat berkaitan syarikat dan pengurusan zakat. Terutamanya kepada En Muhammad Rizal bin Jalil dan En. Muhammad Fariz Abd Razak. Hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalasnya. Akhir sekali, penghargaan ini juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. *Jazakumullahu Khairan Kathira*.

Muhibbuddin bin Abdullah
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
Isnin, 24 Oktober 2016

# ABSTRAK

Pengurusan agihan zakat yang cekap sangat penting untuk memastikan objektif zakat tercapai, iaitu mewujudkan masyarakat yang seimbang dan membangunkan ekonomi umat Islam. Salah satu usaha yang telah dilakukan oleh institusi zakat ialah menyediakan prinsip-prinsip agihan zakat untuk dijadikan garis panduan dalam pengagihan zakat. Ia menjadi kayu ukur kepada institusi zakat untuk mengagihkan zakat dengan efisen dan sistematik. Objektif utama kajian ini ialah untuk membincangkan asas prinsip-prinsip agihan zakat dari perspektif al-Quran, al-Sunnah, dan fiqh Islam. Kajian juga bertujuan mengkaji asas penetapan prinsip-prinsip agihan zakat negeri Selangor. Seterusnya kajian bertujuan menilai pelaksanaan prinsip-prinsip agihan zakat di negeri Selangor. Lembaga Zakat Selangor (LZS) dipilih sebagai subjek kajian kerana memiliki sistem pengurusan yang baik dan diiktiraf sebagai pengurus dana zakat terbesar di Malaysia. Kajian ini bersifat kualitatif yang menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan pemerhatian. Penyelidik juga menggunakan kaedah kuantitatif untuk menilai pelaksanaan prinsip-prinsip agihan zakat di negeri Selangor. Penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian manakala data yang diperolehi dianalisis dengan perisian statistik Sains Sosial, iaitu Statistical Packages for Social Sciences version 16.0 (SPSS 16.0) bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, dan min. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi kajian ini ialah 0.864. Hasil kajian mendapati prinsip-prinsip agihan zakat adalah ijtihad baru ulama kontemporari berasaskan al-Quran dan al-Sunnah yang bertujuan untuk memantapkan pengagihan zakat. Negeri Selangor berjaya mengaplikasikan prinsip-prinsip agihan zakat dengan baik, namun masih boleh dilakukan penambahbaikan agar sistem agihan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Antara cadangan utama kajian ialah LZS hendaklah berusaha untuk mematuhi semua prinsip agihan yang telah ditetapkan. Selain itu, LZS perlu memberi lebih perhatian kepada asnaf fakir dan miskin agar nasib mereka terbela. LZS juga perlu meningkatkan agihan kepada asnaf *al-riqab* yang perlu diselamatkan daripada pelbagai belenggu maksiat dan gejala sosial.

# ABSTRACT

Efficient zakat management system along with systematic zakat distribution methods are important to accomplish the main objectives of zakat to establish social justice and to enhance the socio-economic development of Muslim society. One of the efforts made by the institution of zakat is to design the principles for the distribution of zakat to serve as a guideline in the distribution of zakat. Those principles have been set out as a benchmark instrument to ensure the distribution of zakat is carried out efficiently and systematically. The main objective of this study is to provide a discussion on the basic principles of zakat distributions from the perspective of al-Quran, al-Sunnah and Islamic jurisprudence. The author aims to examine the basic rules in establishing the principles of zakat distribution in the state of Selangor. This study also evaluate the implementation of the principles of zakat distributions in Selangor. Lembaga Zakat Selangor (LZS) is selected because it has a good management system and also due to it's credibility in managing one of largest zakat funds in the country. This study uses qualitative method which involves library research and observations. The researcher also uses quantitative methods to evaluate the implementation of the principles of distribution of zakat in Selangor. The researcher adopts questionnaires as a research instrument. Data collected from questionnaires were analyzed by using the statistical software of Statistical Package for Social Science for Social Sciences version 16.0 (SPSS 16.0) to determine the frequency, percentage and mean. Based on the analysis of the data, the Cronbach Alpha value for this research is 0.864. The study finds that the principles of zakat distribution is a new ijtihad of contemporary scholars that is based on al-Quran, al-Sunnah and Islamic jurisprudence. This new ijtihad is adopted to strengthen the zakat distribution systems. The study also finds that the state of Selangor has succesfully applied the principles of zakat distribution through Lembaga Zakat Selangor but there is an opportunity for further improvement the current systems. Among the suggestions is LZS to fully adhere to the principles of zakat distribution that had been established. In addition to that, LZS must pay more attention to the poor and needy asnaf to ease their burden and to ensure their welfare is promoted. Moreover, LZS must see the needs to increase the distribution to the *al-riqab* asnaf to protect them from the endless social problems and crimes.

# KANDUNGAN


| BAB | PERKARA | HALAMAN |
|---|---|---|
| | JUDUL | i |
| | PENGAKUAN | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI STATUT | xiv |
| | SENARAI JADUAL | xv |
| | SENARAI RAJAH | xvii |
| | SENARAI SIMBOL / SINGKATAN / ISTILAH | xviii |
| | SENARAI LAMPIRAN | xx |
| **1** | **PENDAHULUAN** | |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah | 2 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 6 |
| | 1.4 Persoalan Kajian | 8 |
| | 1.5 Objektif Kajian | 8 |
| | 1.6 Skop Kajian | 9 |
| | 1.7 Kepentingan Kajian | 10 |
| | 1.8 Definisi Istilah | 11 |
| | 1.9 Kesimpulan | 12 |

## 2 SOROTAN KAJIAN


| | |
|---|---|
| 2.1 Pengenalan | 13 |
| 2.2 Definisi Zakat | |
| 2.2.1 Pengertian Zakat Dari Sudut Bahasa | 14 |
| 2.2.2 Pengertian Zakat Dari Sudut Istilah | 15 |
| 2.3 Hukum Menunaikan Zakat | 16 |
| 2.4 Objektif Agihan Zakat | |
| 2.4.1 Agihan Dapat Memenuhi Keperluan Asnaf | 18 |
| 2.4.2 Menjamin Keadilan Sosial | 19 |
| 2.4.3 Membangunkan Ekonomi Umat Islam | 20 |
| 2.4.4 Meningkatkan Martabat Dan Maruah Ummah | 22 |
| 2.5 Prinsip-Prinsip Agihan Zakat | |
| 2.5.1 Amanah | 25 |
| 2.5.2 Menyeluruh | 28 |
| 2.5.3 Hak | 31 |
| 2.5.4 Had Yang Mencukupi | 34 |
| 2.5.5 Segera | 37 |
| 2.5.6 Keutamaan | 39 |
| 2.5.7 Telus | 42 |
| 2.5.8 Pengawasan | 45 |
| 2.6 Prinsip-Prinsip Agihan Menurut Perspektif Semasa | 47 |
| 2.7 Latar Belakang Lembaga Zakat Selangor ( LZS) | |
| 2.7.1 Sejarah Penubuhan LZS | 49 |
| 2.7.2 Matlamat Dan Objektif LZS | 53 |
| 2.7.3 Fungsi Lembaga Zakat Selangor (LZS) | 54 |
| 2.7.4 Struktur Pentadbiran dan Organisasi LZS | 55 |
| 2.7.5 Bahagian Agihan LZS | 55 |

2.8 Kajian Lepas
2.8.1 Pengurusan Dan Pentadbiran Harta Zakat 56
2.8.2 Perundangan Berkaitan Zakat 58
2.8.3 Isu Dan Cabaran Dalam Pengurusan Zakat 59
2.8.4 Konsep Dan Prinsip Agihan Zakat 59
2.8.5 Konklusi Kajian Lepas 60
2.9 Kesimpulan 61

**3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan 62

3.2 Reka Bentuk Kajian
3.2.1 Kajian Perpustakaan 63
3.2.2 Kajian Lapangan 64

3.3 Tempat Kajian 64

3.4 Populasi Dan Sampel Kajian 64

3.5 Instrumen Kajian
3.5.1 Bahagian A 65
3.5.2 Bahagian B 65
3.5.3 Bahagian C 66

3.6 Kajian Rintis 66

3.7 Analisis Data 67

3.8 Kesimpulan 68

**4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan 69

4.2 Prinsip - Prinsip Agihan Zakat Menurut Al-Quran, Al-Sunnah Dan Amalan Sahabat

4.2.1 Prinsip-Prinsip Agihan Zakat Menurut Al-Quran 70

4.2.1.1 Prinsip Hak Zakat Kepada Asnaf 71

4.2.1.2 Prinsip Keutamaan Zakat Kepada Fakir Miskin 72

4.2.2 Prinsip- Prinsip Agihan Zakat Menurut Al-Sunnah

4.2.2.1 Prinsip Amanah 76

4.2.2.2 Prinsip Keutamaan Golongan Fakir Miskin 77

4.2.2.3 Prinsip Hak Asnaf Yang Ditetapkan 80

4.2.2.4 Prinsip Pengawasan 81

4.2.2.5 Prinsip Ketelusan 82

4.2.2.6 Prinsip Segera 83

4.2.3 Amalan Prinsip Agihan Zakat Zaman Sahabat

4.2.3.1 Saidina Abu Bakar al-Siddiq 84

4.2.3.2 Saidina Umar al-Khattab 85

4.2.3.3 Saidina Uthman bin al-Affan 87

4.2.3.4 Saidina Ali bin Abi Talib 88

4.3 Asas-Asas Penetapan Prinsip-Prinsip Agihan Zakat Di Selangor

4.3.1 Asnaf Zakat Negeri Selangor 90

4.3.1.1 Asnaf Fakir 91

4.3.1.2 Asnaf Miskin 92

4.3.1.3 Asnaf Amil 93

4.3.1.4 Asnaf Mualaf 93

4.3.1.5 Asnaf *al-Riqab* 94

4.3.1.6 Asnaf *al-Gharimin* 95

4.3.1.7 Asnaf *Fisabilillah* 96

4.3.1.8 Asnaf *Ibnu al-Sabil* 97
4.3.2 Prinsip-Prinsip Agihan Zakat Negeri Selangor
4.3.2.1 Prinsip Amanah 99
4.3.2.2 Prinsip Menyeluruh 99
4.3.2.3 Prinsip Hak 100
4.3.2.4 Prinsip Had Kifayah 100
4.3.2.5 Prinsip Segera 100
4.3.2.6 Prinsip Keutamaan 101
4.3.2.7 Prinsip Telus 101
4.3.2.8 Prinsip Pengawasan 101
4.3.3 Asas-Asas Penetapan Prinsip-Prinsip Agihan Zakat Di Selangor
4.3.3.1 Penetapan Prinsip-Prinsip Agihan Berdasarkan Al-Quran, Al-Sunnah 102
4.3.3.2 Penetapan Prinsip-Prinsip Agihan Berdasarkan Keputusan Fatwa 108
4.3.3.3 Penetapan Prinsip-Prinsip Agihan Berdasarkan Akta Perundangan 109

4.4 Pelaksanaan Prinsip-Prinsip Agihan Zakat Selangor
4.4.1 Bahagian A: Analisis Maklumat Latar Belakang Responden 115
4.4.1.1 Maklumat Latar Belakang Responden Mengikut Jantina 115
4.4.1.2 Latar Belakang Responden Mengikut Umur 116
4.4.1.3 Latar Belakang Responden Mengikut Status Perkahwinan 116
4.4.1.4 Latar Belakang Responden Mengikut Bilangan Tanggungan 117
4.4.1.5 Latar Belakang Responden Mengikut Kelayakan Akademik 118
4.4.1.6 Latar Belakang Responden Mengikut Pekerjaan 118

4.4.1.7 Latar Belakang Responden Mengikut Pendapatan 119
4.4.1.8 Latar Belakang Responden Mengikut Tempoh Menerima Zakat 120
4.4.1.9 Latar Belakang Responden Mengikut Jenis Asnaf 120

4.4.2 Bahagian B: Analisis Deskriptif Soal Selidik
4.4.2.1 Mengetahui Maklumat Agihan Zakat 121
4.4.2.2 Mengkaji Pelaksanaan Prinsip- Prinsip Agihan Zakat Di Selangor 123

4.5 Analisis Keseluruhan 131

4.6 Kesimpulan 132

**5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan 133

5.2 Perbincangan
5.2.1 Perbincangan Latar Belakang Responden 134
5.2.2 Perbincangan Bahagian B :Maklumat Agihan Zakat 136
5.2.3 Perbincangan Bahagian C: Pelaksanaan Prinsip - Prinsip Agihan Zakat 136
5.2.3.1 Pelaksanaan Prinsip Amanah 137
5.2.3.2 Pelaksanaan Prinsip Menyeluruh 139
5.2.3.3 Pelaksanaan Prinsip Hak 142
5.2.3.4 Pelaksanaan Prinsip Had Kifayah 144
5.2.3.5 Pelaksanaan Prinsip Segera 147
5.2.3.6 Pelaksanaan Prinsip Keutamaan 150
5.2.3.7 Pelaksanaan Prinsip Telus 151
5.2.3.8 Pelaksanaan Prinsip Pengawasan 154

5.3 Rumusan

5.3.1 Prinsip - Prinsip Agihan Zakat Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah 156
**5.3.2** Penetapan Prinsip Agihan Zakat di Selangor 157
**5.3.3** Pelaksanaan Prinsip Agihan Zakat di Selangor 158

5.4 Cadangan

5.4.1 Kepada Pihak Agensi Pengurusan Zakat 160
5.4.2 Kepada Ahli Akademik 162
5.4.3 Kepada Media Massa 162

5.5 Kesimpulan 163

**BIBLIOGRAFI**

**LAMPIRAN A-K**

## SENARAI STATUT

*Akta Cukai* Pendapatan 1967 ( Pindaan 2012)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2008. 31 Dis 2008

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Tambahan no.5, 9 Mei 2002

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Tambahan no.10, 7 Oktober 2004

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.Tambahan no.7, 31 Mac 2011

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Tambahan no.4, 2 Februari 2012

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Tambahan no.14, 7 Jun 2012

Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor 1994

Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor 1994 (Kemaskini 2009)

# SENARAI JADUAL


| NO. JADUAL | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| 2.1 | Kronologi Perkembangan Lembaga Zakat Selangor (LZS) | 52 |
| 3.1 | Pengkelasan Nombor Dalam Sekala Likert | 66 |
| 4.1 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 115 |
| 4.2 | Taburan Kekerapan Mengikut Umur | 116 |
| 4.3 | Taburan Kekerapan Mengikut Status Perkahwinan | 116 |
| 4.4 | Taburan Kekerapan Mengikut Bilangan Tanggungan | 117 |
| 4.5 | Taburan Kekerapan Mengikut Kelayakan Akademik | 118 |
| 4.6 | Taburan Kekerapan Mengikut Pekerjaan | 118 |
| 4.7 | Taburan Kekerapan Mengikut Pendapatan | 119 |
| 4.8 | Taburan Kekerapan Mengikut Tempoh Terima Zakat | 120 |
| 4.9 | Taburan Kekerapan Mengikut Jenis Asnaf | 120 |
| 4.10 | Kekerapan dan Peratusan Maklumat Agihan Zakat | 121 |
| 4.11 | Pelaksanaan Prinsip Amanah Dalam Agihan Zakat | 123 |
| 4.12 | Pelaksanaan Prinsip Menyeluruh Dalam Agihan Zakat | 124 |
| 4.13 | Pelaksanaan Prinsip Hak Dalam Agihan Zakat | 125 |
| 4.14 | Pelaksanaan Prinsip Had Kifayah Dalam Agihan Zakat | 126 |
| 4.15 | Pelaksanaan Prinsip Segera Dalam Agihan Zakat | 127 |
| 4.16 | Pelaksanaan Prinsip Keutamaan Dalam Agihan Zakat | 128 |

| | | |
|---|---|---|
| 4.17 | Pelaksanaan Prinsip Telus Dalam Agihan Zakat | 129 |
| 4.18 | Pelaksanaan Prinsip Pengawasan Dalam Agihan Zakat | 130 |
| 4.19 | Nilai Min Bagi Keseluruhan Konstruk Item | 131 |
| 5.1 | Jadual Tahap Persetujuan Pelaksanaan Prinsip Amanah Dalam Agihan Zakat | 137 |
| 5.2 | Jadual Tahap Persetujuan Pelaksanaan Prinsip Menyeluruh Dalam Agihan Zakat. | 139 |
| 5.3 | Asnaf Agihan (RM) Dan Peratus (%) Bagi Tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014. | 141 |
| 5.4 | Jadual Tahap Persetujuan Pelaksanaan Prinsip Hak Dalam Agihan Zakat Selangor. | 142 |
| 5.5 | Jadual Tahap Persetujuan Pelaksanaan Prinsip Had Kifayah Dalam Agihan Zakat Selangor. | 145 |
| 5.6 | Menunjukkan Contoh Penentuan Had Kifayah Berdasarkan Keperluan Isi Rumah Di Selangor. | 146 |
| 5.7 | Jadual Tahap Persetujuan Pelaksanaan Prinsip Segera Dalam Agihan Zakat Selangor. | 147 |
| 5.8 | Jadual Tahap Persetujuan Pelaksanaan Prinsip Keutamaan Dalam Agihan Zakat Selangor. | 150 |
| 5.9 | Jadual Tahap Persetujuan Pelaksanaan Prinsip Telus Dalam Agihan Zakat Selangor. | 151 |
| 5.10 | Jadual Tahap Persetujuan Pelaksanaan Prinsip Keutamaan Dalam Agihan Zakat Selangor. | 154 |

# SENARAI RAJAH


| NO. RAJAH | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| 5.1 | Nilai Kredibiliti, Integriti dan Prihatin (KIP) LZS | 138 |
| 5.2 | Carta Alir Proses Permohonan Zakat LZS | 151 |

# SENARAI SIMBOL / SINGKATAN / ISTILAH

Dalam penulisan tesis ini, perkataan, frasa atau nama khas yang tertentu hanya ditulis dalam bentuk ringkasan bagi tujuan memudahkan penulisan.

| RINGKASAN | MAKSUD |
|---|---|
| b. | Bin |
| BNM | Bank Negara Malaysia |
| bt. | Binti |
| Dr. | Doktor |
| ed. | Editor |
| et.al. | Et Alii (dan lain-lain) |
| GLC | Government Linked Companies<br>( Syarikat Berkaitan Kerajaan) |
| Hj. | Haji |
| Hjh. | Hajah |
| IKI | Institusi-Institusi Kewangan Islam |
| JAWHAR | Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji |
| JAKIM | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia |
| JKF | Jawatankuasa Fatwa |
| KIP | Kredibiliti, Integriti dan Prihatin |
| LZS | Lembaga Zakat Selangor |
| MAIN | Majlis Agama Islam Negeri |
| MAIS | Majlis Agama Islam Selangor |
| MAIWP | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan |
| MPS | Majlis Penasihat Syariah |

| | |
|---|---|
| PPZ | Pusat Pungutan Zakat |
| PLAS | Pusat Latihan Asnaf |
| s.a.w | *Sallallahu 'Alaih Wa Sallam* |
| SJK | Skuad Jejak Kemiskinan |
| s.w.t | *Subhanahu Wa Ta'ala* |
| Sdn. Bhd | Sendirian Berhad |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UM | Universiti Malaya |
| UTM | Universiti Teknologi Malaysia |

# SENARAI LAMPIRAN


| LAMPIRAN | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| A | Surat Pengesahan Pelajar | 176 |
| B | Soalan Temubual | 177 |
| C | Surat Pengesahan Soalan Temubual | 179 |
| D | Borang Soal Selidik | 180 |
| F | Senarai Struktur Korporat LZS | 188 |
| G | Senarai Pengurusan Tertinggi LZS | 189 |
| H | Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003 | 191 |
| I | Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Selangor | 193 |
| J | Statistik Kutipan LZS 2014 | 195 |
| K | Statistik Agihan LZS 2014 | 196 |

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.9 PENGENALAN

Islam sebagai agama yang syumul menjadi panduan hidup yang lengkap dan menepati segala tuntutan dan keperluan manusia. Salah satu panduan hidup yang digariskan Allah s.w.t. kepada umat Islam ialah zakat. Ia merupakan rukun yang melengkapi tuntutan ibadah dan keadilan sosial. Zakat merupakan satu kaedah yang sangat unik dan pertamanya di dunia ini yang menetapkan hak orang lain di dalam setiap harta yang kita miliki. Zakat adalah asas struktur ekonomi Islam yang memerlukan komitmen berterusan daripada pemerintah dan masyarakat dalam memastikan kesejahteraan hidup umat Islam yang beriman, teguh, maju dan berdaya saing (Mujaini Tarimin, 2012:1-3).

Secara literalnya zakat diambil daripada perkataan asas bahasa Arab yang bermaksud penyucian dan berkembang. Ia juga membawa maksud lain seperti ‘pertambahan’, ‘kebajikan’ dan juga ‘memberi’. Perkataan zakat banyak dinyatakan dalam al-Quran bersama perkataan lain seperti *sadaqat* dan solat yang membawa maksud memberi atau kebajikan (Mannan, 1986:321).

Pemerintah bertangggungjawab mengurus zakat secara telus dan bersistematik agar matlamat zakat akan tercapai. Zakat bukanlah sumber yang menjadi pendapatan kerajaan tetapi merupakan amanah yang wajib ditunaikan agar peranannya dalam membantu dan meningkatkan taraf hidup asnaf tercapai. Sekiranya zakat tidak dilaksanakan secara sungguh-sungguh, sudah pasti golongan asnaf yang telah ditetapkan Allah s.w.t. ini tidak terbela (Maheran Zakaria, 2014:165), Hafizah Zainal (2016:48).

Di Malaysia, tanggungjawab menguruskan pungutan dan pengagihan zakat terletak di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti Majlis Agama Islam Johor, Majlis Agama Islam Kelantan dan Majlis Agama Islam Terengganu. Terdapat beberapa negeri yang menswastakannya dan meletakkan pengurusan pungutan dan agihan zakat di bawah badan yang khusus seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, Lembaga Zakat Selangor, Pusat Zakat Sabah, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dan Pusat Zakat Melaka (Sanep Ahmad et.al., 2006).

## 1.10 LATAR BELAKANG MASALAH

Zakat adalah ibadat yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam. Kefardhuannya jelas terdapat di dalam al-Quran yang mewajibkan zakat sebagaimana kewajipan solat. Terdapat banyak ayat al-Quran yang mengandingkan perkataan solat dan

zakat. Ini jelas menunjukkan kepentingan zakat dalam Islam. Ia bukan sahaja melibatkan hubungan dengan Allah s.w.t. bahkan berkait rapat dengan hubungan sesama manusia. Kewajipan menyempurnakan ibadat zakat ini tidak hanya melibatkan aspek pungutan zakat tetapi melibatkan juga aspek pengagihan zakat.

Pihak pengurusan zakat hendaklah mengagihkan zakat kepada asnaf-asnaf yang telah ditetapkan. Allah s.w.t. telah menerangkan dengan jelas golongan yang menjadi asnaf zakat. Sebagaimana firmanNya di dalam surah al-Taubah yang bermaksud:

[illegible]

> Maksud: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil Yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."
>
> (Surah *al-Taubah,* 9: 60)

Al-Qurtubi (2006) di dalam tafsirnya menjelaskan ayat tersebut jelas menunjukkan terdapat lapan golongan orang yang berhak menerima zakat iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, hamba (*al-riqab*), orang berhutang (*al-gharimin*), *fisabilillah* dan *ibn sabil*. Jumhur ulama fiqh sependapat, zakat hendaklah diagihkan kepada asnaf yang telah dinyatakan oleh Allah s.w.t sahaja.

Menurut Yusuf al-Qaradhawi, al-Quran memberi penerangan terperinci berkaitan pengagihan zakat berbanding menentukan sumber zakat. Ini disebabkan kemungkinan boleh berlaku penyelewengan dan penggunaan hawa nafsu dalam mengagihkan zakat lebih besar berbanding menentukan sumber dan memungut zakat. Pendapat ini jelas menunjukkan pengagihan zakat merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang besar dipikul oleh institusi zakat (Yusuf al-Qaradhawi 1973).

Pungutan zakat di Malaysia mengalami peningkatan yang sangat membanggakan. Saban tahun, statistik menunjukkan wujud peningkatan di setiap negeri di Malaysia. Jumlah kutipan zakat keseluruhan tahun 2012 telah meningkat sebanyak 18 peratus kepada RM1.927 bilion berbanding RM1.641 bilion pada 2011. (Laporan Zakat MAIWP, 2014). Peningkatan jumlah pungutan zakat ini menggambarkan peningkatan jumlah wang yang kembali ke dalam kitaran ekonomi secara langsung. Pada tahu 2011, agihan zakat di Malaysia adalah sebanyak RM 1.519 bilion dengan kadar pengagihan sebanyak 92%. Oleh yang demikian, jumlah asnaf yang mendapatkan bantuan zakat semakin meningkat dan nilai zakat juga ditambah mengikut keperluan semasa. (Adibah Abd Wahab & Joni Tamkin, 2014:199).

Walaupun pungutan zakat semakin baik, namun pelbagai isu berkaitan pengagihan dana zakat yang ditimbulkan dan diperdebatkan mencacatkan prestasi dan pencapaian institusi zakat itu sendiri. Kajian oleh Hairunnizam, Sanep Ahmad dan Radiah menunjukkan ramai pembayar zakat tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia. Masyarakat masih hilang kepercayaan kepada pengurusan zakat kerana tidak cekap menguruskan dana zakat

tersebut dengan efisien agar dapat membantu golongan asnaf. Masih wujud golongan asnaf yang tidak mendapatkan hak mereka kerana masalah birokrasi dan permohonan yang sukar dan lama (Hairunnizam et.al., 2009a).

Terdapat juga golongan fakir dan miskin yang masih tidak mampu untuk keluar dari kelompok kemiskinan sedangkan mereka telah bertahun-tahun mendapat bantuan zakat. Terdapat asnaf yang telah menerima zakat melebihi 10 tahun. Sedangkan mengikut sejarah pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat, zakat diagihkan dengan kadar yang dapat menyenangkan hidup mereka sehingga mereka tidak perlu lagi meminta-minta (Mahyuddin Abu Bakar, 2012).

Timbul juga isu apabila di dalam laporan tahunan, institusi zakat sering terdapat lebihan dana yang tidak diagihkan setiap tahun. Masyarakat beranggapan lebihan itu perlu diagihkan agar golongan asnaf agar dapat digunakan secara lebih berkesan lagi seterusnya menunjukkan kecekapan dalam pengurusan agihan zakat. (Laporan Tahunan LZS 2010, 2011, 2012, 2013)

Menurut Mahmood Zuhdi, permasalahan yang timbul ini akan memberikan persepsi negatif kepada masyarakat yang melihat pengurusan agihan zakat dilaksanakan kurang cekap dan berkesan (Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 2013).

Pihak yang bertanggungjawab dalam urus tadbir zakat telah melakukan pelbagai usaha dan inisiatif untuk memastikan pelaksanaan agihan zakat dilaksanakan dengan cekap. Antara usaha yang dilakukan ialah dengan menyediakan garis panduan dalam melaksanakan pengagihan zakat. Garis panduan ini adalah prinsip-prinsip agihan zakat yang perlu dipatuhi sepanjang proses pengagihan agar agihan berjalan lancar dan menepati kehendak syarak.

Terdapat 15 prinsip agihan zakat untuk dijadikan panduan oleh institusi zakat iaitu amanah, telus , menyeluruh, wajar, had kifayah, khusus, berasingan, berhemah,

pengawasan, bertanggungjawab, maklumat lengkap, pencalonan, segera, hak dan keutamaan. Dengan adanya prinsip-prinsip agihan zakat ini, pihak pengurusan zakat akan memastikan proses agihan zakat sentiasa berada pada landasan yang betul (Manual Pengurusan Agihan Zakat JAWHAR, 2008).

Menurut Mohamad Zaim Isamail, zakat adalah ibadah yang berkaitan dengan sosial, kewangan dan sistem ekonomi yang memerlukan kepada ijtihad dan qiyas yang berterusan untuk disesuaikan dengan keadaan dan masa (Mohamad Zaim Isamail, 2015). Jesteru, usaha ulama kontemporari yang menyusun prinsip-prinsip agihan zakat ini adalah tepat dalam memastikan sistem zakat akan terus utuh dan dapat memberi manfaat dan kemaslahatan yang besar kepada umat Islam.

## 1.11 PERNYATAAN MASALAH

Isu pengagihan zakat sentiasa menjadi tumpuan masyarakat, terutamanya bagi pembayar zakat yang menunaikan zakat kepada institusi zakat. Saban hari keluar berita di akhbar dan media sosial terdapat orang miskin yang hidup melarat, ibu tunggal yang kesempitan hidup dan orang kelainan upaya (OKU) yang tidak mendapat bantuan dan pembelaan. Pelbagai persoalan ditimbulkan oleh masyarakat berkaitan kecekapan pengurusan agihan zakat oleh institusi zakat (Harian Metro, 21 Mei 2014). Mereka mempertikaikan mengapa masih ramai orang yang susah tidak mendapat bantuan sedangkan pungutan zakat berjumlah ratusan juta setiap tahun. Masalah yang timbul bukan sahaja memberikan persepsi yang negatif terhadap institusi pengurusan zakat, malah menyebabkan orang ramai tidak yakin untuk membayar zakat kepada pihak kerajaan (Utusan Malaysia. 3 Disember 2011)

Menurut kajian Hairunnizam, Sanep & Radiah, majoriti responden tidak membayar zakat kerana tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat oleh institusi zakat. Menurut kajian mereka, semakin puas hati individu terhadap pengurusan pusat

zakat, semakin tinggi darjah kepatuhan untuk membayar zakat kepada pusat zakat (Hairunnizam et.al., 2009a). Integriti pegawai zakat juga menjadi isu di kalangan masyarakat. Akhbar Harian Kosmo melaporkan terdapat amil yang menggelapkan duit zakat sebanyak RM18000 di Selatan tanah air pada tahun 2011. Walaupun kes tersebut merupakan kes terpencil namun sedikit sebanyak memberi gambaran negatif kepada kreadibiliti amil zakat di Malaysia (Kosmo, 28 Okt 2011).

Antara isu yang hangat diperdebatkan, terdapat lebihan dana zakat yang banyak di bawa ke tahun hadapan. Berdasarkan statistik Laporan Agihan Zakat di Malaysia 2008, 72% telah diagihkan manakala bakinya sebanyak 28% belum diagihkan. Mufti Perlis, Mohd Asri Zainul Abidin mempersoalkan mengapakah keadaan ini berlaku. Sepatutnya dana zakat perlu diagihkan segera mengikut keperluan dan keadaan semasa. Beliau menjelaskan lagi wang zakat adalah amanah yang mesti diserah dengan jaya kepada yang berhak dan berfungsi dengan baik (Mohd Asri, 2010).

Terdapat juga asnaf yang memohon zakat, terpaksa melalui prosedur yang banyak, malah ada yang langsung tidak mendapat jawapan daripada pihak pengurusan. Masalah birokrasi ini, menyebabkan kesukaran asnaf untuk mendapat bantuan walaupun mereka berhak ke atas dana zakat tersebut. Selain itu, agihan zakat yang diperolehi oleh para asnaf juga tidak dapat menampung keperluan hidup mereka. Ekonomi global yang tidak stabil menyebabkan kos sara hidup semakin tinggi dan harga barang meningkat dengan mendadaknya. Oleh itu, had kifayah perlu sentiasa dikemaskinikan untuk disesuaikan dengan ekonomi semasa. (Ahmad Fahme et.al., 2014)

Peka dengan pelbagai isu yang timbul, Lembaga Zakat Selangor (LZS) berusaha untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan agihan zakat dari masa ke semasa. Mereka telah menetapkan beberapa prinsip agihan sebagai garis panduan dalam memastikan agihan zakat Selangor berada pada landasan yang betul dan dapat diagihkan dengan adil dan bersistematik (Hamizul Abd Hamid,2011).

